



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
USTAZ NIK ZULHAIZA BIN ISMAIL
KETUA PENOLONG PESURUHJAYA

OLEH:

ROSMAISARAH BINTI ROSMAN	2022471178
WAN NURUL FATIHAH BINTI W MANAN	2022611358

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2024 – FEB 2025)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
USTAZ NIK ZULHAIZA BIN ISMAIL
KETUA PENOLONG PESURUHJAYA

OLEH:

ROSMAISARAH BINTI ROSMAN 2022471178
WAN NURUL FATIHAH BINTI W MANAN 2022611358

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2024 – FEB 2025)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Syukur Alhamdulillah, segala puji dan syukur kami panjatkan ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, kami berjaya menyempurnakan tugas ini dengan baik. Tidak lupa juga selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah, atas segala tunjuk ajar, sokongan, dan bimbingan yang tidak ternilai sepanjang kami menjalankan tugas ini bagi subjek "Oral Documentation (IMR604)" iaitu Projek Sejarah Lisan. Panduan dan nasihat beliau telah banyak membantu kami dalam menyempurnakan projek ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada tokoh yang kami temui dalam tugas ini, Ustaz Nik Zulhaiza bin Ismail. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama sepenuhnya sehingga tugas kami dapat dilaksanakan dengan baik.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli kumpulan kami yang telah memberikan sokongan moral, idea, dan tenaga dalam memastikan kelancaran proses penyelesaian tugas ini. Semangat kerja berpasukan yang ditunjukkan amat kami hargai. Begitu juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu.

Tidak lupa juga, setulus penghargaan kepada keluarga kami yang sentiasa mendoakan dan menyokong usaha kami dari awal hingga akhir. Mereka merupakan sumber inspirasi dan kekuatan kami dalam menyempurnakan tanggungjawab ini.

Akhir kata, kami berharap hasil usaha ini dapat memberikan manfaat serta diterima dengan baik. Kami telah berusaha sebaik mungkin, dan setiap langkah telah diusahakan dengan penuh komitmen dan dedikasi.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temu bual ini bertujuan untuk mendalami kehidupan dan kerjaya Ustaz Nik Zulhaiza bin Ismail, atau lebih dikenali sebagai Ustaz Nik, seorang tokoh agama yang dihormati di Malaysia. Temu bual ini dilaksanakan di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu pada 13 November 2024 dari jam 2:00 petang hingga jam 4:00 petang. Hasil temu bual ini menunjukkan bahawa Ustaz Nik memulakan kerjayanya dalam bidang hal ehwal agama Islam dengan penuh dedikasi dan semangat yang tinggi. Beliau pernah memainkan peranan penting dalam pelbagai bahagian seperti dakwah, penyelidikan, penguatkuasaan, dan kini, di bahagian pengurusan masjid. Kajian ini turut menonjolkan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Ustaz Nik sepanjang kerjayanya, serta bagaimana beliau berjaya mengatasinya dengan kebijaksanaan dan wawasan yang tinggi. Selain itu, temu bual ini juga menyingkap latar belakang peribadi beliau. Ustaz Nik turut berkongsi pengalaman beliau dalam menguruskan hal ehwal agama serta pandangan beliau terhadap pembangunan agama Islam di Malaysia. Kesimpulannya, temu bual ini telah memberikan wawasan berharga tentang perjalanan hidup seorang Ketua Penolong Pesuruhjaya yang banyak berjasa dalam memperkasakan agama Islam. Kajian ini bukan sahaja memberikan sumbangan kepada bidang pengurusan agama, tetapi juga menjadi rujukan yang penting untuk memahami cabaran dan kejayaan tokoh agama yang berpengaruh seperti Ustaz Nik Zulhaiza bin Ismail.

Kata kunci: *Ustaz Nik Zulhaiza, Ketua Penolong Pesuruhjaya, dakwah, tokoh agama, kerjaya*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	v
Pengenalan.....	vi
Transkrip	
Bahagian A1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian A2: Sejarah Pendidikan Tokoh.....	04
Bahagian A3: Sejarah Kerjaya Tokoh.....	08
Bahagian B1: Ketua Penolong Pesuruhjaya.....	15
Bahagian B2: Bahagian Pengurusan Masjid.....	21
Bahagian B3: Bahagian Penyelidikan.....	26
Bahagian B4: Bahagian Penguatkuasa.....	30
Bahagian B5: Bahagian Dakwah.....	35
Bahagian C1: Sumbangan.....	40
Bahagian C2: Pencapaian.....	42
Bahagian D1: Harapan.....	43
Bahagian D2: Cabaran.....	46
Rujukan.....	52
Lampiran	
Log Wawancara.....	53
Diari Kajian.....	62

Senarai Soalan.....	65
Surat Perjanjian.....	69
Gambar.....	70
Sijil Penghargaan.....	72
Indeks.....	75

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Nik Zulhaiza bin Ismail
Nama Samaran	Ustaz Nik
Tarikh Lahir	
Tempat Lahir	Rantau Panjang, Kelantan.
Alamat	Kuala Terengganu.
No. Telefon	
Emel	
Profesion	Ketua Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Masjid)
Bidang	Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam Ijazah Sarjana Muda Kepujian (Syariah)

PENGENALAN

PENGENALAN

Ketua Penolong Pesuruhjaya adalah salah satu jawatan penting dalam organisasi yang menguruskan hal ehwal agama Islam. Individu yang memegang jawatan ini bertanggungjawab terhadap bahagian yang dilantik. Terdapat beberapa bahagian, seperti bahagian dakwah, penyelidikan, pengurusan masjid, penguatkuasaan, undang-undang keluarga, dan pengurusan halal. Dengan skop tanggungjawab yang begitu besar iaitu melibatkan sebuah negeri, peranan ini memerlukan pengalaman, kemahiran dalam kepimpinan, serta komitmen yang tinggi dalam memastikan bahawa hal ehwal agama Islam dapat dilaksanakan dengan berkesan, dan seiring dengan perkembangan masyarakat. Mereka yang memegang jawatan ini juga memainkan peranan penting dalam memacu inovasi serta memastikan pelaksanaan dasar-dasar Islam yang relevan untuk memenuhi keperluan umat Islam di negara ini.

Sebagai tokoh yang dihormati dalam bidang ini, Ustaz Nik Zulhaiza bin Ismail, atau lebih dikenali sebagai Ustaz Nik, merupakan individu yang telah memberikan sumbangan besar dalam membentuk hala tuju pembangunan agama Islam. Ustaz Nik dikenali kerana dedikasinya dalam menyampaikan dakwah, menyumbang kepada penyelidikan agama, dan membimbing masyarakat ke arah penghayatan Islam yang lebih mendalam. Penyelidik telah menemui maklumat awal mengenai tokoh ini melalui laman sosial "Facebook". Daripada platform "Google", nama penuh dan alamat tempat beliau bertugas berjaya diperoleh. Manakala nombor telefon pula berjaya diperoleh melalui kenalan rapat beliau. Penyelidik kemudian menghubungi Ustaz Nik melalui aplikasi "WhatsApp" untuk mendapatkan kebenaran bagi mengadakan sesi temu bual. Usaha ini juga melibatkan perbincangan awal untuk menetapkan masa dan tempat yang sesuai bagi melaksanakan sesi tersebut dengan lancar.

Selepas mendapat persetujuan, penyelidik memulakan langkah seterusnya dengan mencari lebih banyak maklumat mengenai tokoh melalui pelbagai sumber di internet. Proses ini bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai tokoh, tetapi juga untuk memperkayakan soalan yang bakal diajukan semasa sesi temu bual. Antara maklumat yang diperoleh termasuklah latar belakang peribadi Ustaz Nik, perjalanan kerjanya beliau dalam bidang agama, pencapaian yang telah diraih, serta sumbangan signifikan beliau

kepada masyarakat dan agama. Maklumat-maklumat ini menjadi asas untuk penyediaan soalan kajian yang lebih terperinci dan mendalam.

Sesi temu bual akhirnya berjaya dilaksanakan di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, lokasi yang memberikan suasana profesional dan kondusif bagi perbincangan. Temu bual ini bukan sahaja membolehkan penyelidik mendapatkan pandangan langsung daripada Ustaz Nik, tetapi juga membuka peluang untuk memahami lebih mendalam peranan dan tanggungjawab Ketua Penolong Pesuruhjaya dalam konteks semasa. Proses ini merupakan usaha penting dalam mendokumentasikan perjalanan hidup dan sumbangaan tokoh seperti Ustaz Nik, yang dapat menjadi inspirasi kepada generasi akan datang dalam memartabatkan agama Islam di Malaysia.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang hal ehwal agama Islam. Bersama-sama kami ialah Ustaz Nik Zulhaiza bin Ismail yang merupakan seorang Ketua Penolong Pesuruhjaya dari tahun 2015 hingga sekarang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 November 2024 bersamaan dengan hari Rabu, pada jam 2:00 petang, bertempat di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Kuala Terengganu. Temubual ini dikendalikan oleh Rosmaisarah Rosman dan Wan Nurul Fatihah W Manan. Dengan segala hormatnya temu bual ini dimulakan.

Petunjuk:

UNZ: Ustaz Nik Zulhaiza Bin Ismail
RR: Rosmaisarah Rosman

BAHAGIAN A1: LATAR BELAKANG TOKOH

RR : Apakah nama penuh dan nama panggilan Ustaz?

UNZ : Nik Zulhaiza Bin Ismail. [Tersenyum]

RR : Berapakah umur Ustaz?

UNZ : - tahun. [Tersenyum]

RR : Di manakah Ustaz dilahirkan dan dibesarkan?

UNZ : Lahir di Kelantan, tapi dibesarkan di Besut, Terengganu.

RR : Di manakah tempat Ustaz tinggal sekarang?

UNZ : Sekarang tinggal di , Kuala Terengganu.

RR : Adakah Ustaz sudah berkahwin dan mempunyai anak?

UNZ : *Ye* [Ya] [mengangguk], sudah berkahwin.

RR : Bolehkah ceritakan sedikit tentang latar belakang keluarga Ustaz?

UNZ : Alhamdulillah, hasil perkahwinan saya dengan isteri, Puan

RR : Bagaimana Ustaz membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga?

UNZ : [Berfikir] Waktu sebagai penjawat awam, bekerja 5 [lima] hari *semenggu* [seminggu]. [Berfikir] Jadi, apabila balik daripada kerja, ketika *tulah* [itulah] saya *beri* [memberi] tumpuan bersama dengan keluarga, terutamanya pada-, lebih-lebih lagi kalau pada hari minggu. Hari Jumaat dan Sabtu sepenuhnya saya

bersama dengan keluarga melainkan jika ada program-program jabatan. Terpakalah kita ikuti program yang dianjurkan oleh jabatan.

RR : Sekiranya Ustaz mempunyai masa lapang, [menggaru] bagaimana Ustaz memanfaatkan masa tersebut?

UNZ : Masa lapang- [berfikir] banyaklah aktiviti, antaranya bersih *kawasang* [kawasan] *persekitarang* [persekitaran] rumah. Adakalanya kalau sebelah petang, kerana pada malamnya saya akan hadir ke kuliah di masjid dan surau, jadi sebelah petang *tu* [itu] saya baca kitab rujukan untuk persiapan kuliah pada malam *tulah* [itulah]. Di samping *tu* [itu], *kalu* [kalau] hari-hari minggu, ada *jugokla* [jugalah] program *riadhoh* [riadah] ataupun *bawok* [bawa] keluarga pergi makan- bersama dan [berfikir] ada *jugoklah* [jugalah] masa-masa bersama dengan sahabat-sahabat, kawan-kawan. *Kalu* [Kalau] ada yang *ajok* [ajak] *ngopi* [minum kopi] [tersenyum], untuk berbual-bual dengan teman-teman, sahabat-sahabat.

RR : Apakah nilai atau prinsip hidup yang Ustaz pegang?

UNZ : [Berfikir] Saya sebagai penjawat awam, jadi kita kena tanamkan dalam diri kita *ni* [ini] sifat integriti, tanggungjawab, jujur, menepati masa, dan ianya akan memberi kesan kepada kehidupan kita diluar sana apabila kita bersama dengan anak-anak buah kita ataupun dengan orang atasan kita, dan begitu *jugoklah* [jugalah] dengan jiran-jiran, masyarakat setempat.

RR : Apakah matlamat hidup yang belum Ustaz capai?

UNZ : [Berfikir] Belum menunaikan ibadah haji lagi. Jadi, matlamatnya untuk menunaikan ibadah haji in sha Allah suatu masa nanti. In sha Allah.

TAMAT BAHAGIAN A1

BAHAGIAN A2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

RR : Semasa pendidikan awal, di manakah Ustaz bersekolah rendah?

UNZ : Sekolah rendah saya di Sekolah Rendah Kuala Besut. [Berfikir] Sebab saya *ni* [ini] lahir sahaja di Rantau Panjang, Kelantan *tapi* [tetapi] dibesarkan di Kuala Besut. Kampung asal Kuala Besut, tadika pun di Kuala Besut. *Derjah* [Darjah] satu sehingga *derjah* [darjah] *nam* [enam] sekolah rendah di Kuala Besut. Kemudian, naik ke tingkatan satu hingga [tingkatan] tiga, Sekolah Menengah Agama Nurul Ittifaq. Kenapa sampai tingkatan tiga? Kerana Sekolah Nurul Ittifaq ketika *tu* [itu] dia setakat tingkatan tiga sahaja. *Selepas* [Selepas] daripada SRP [Sijil Rendah Pelajaran], saya terpaksa berpindah ke Sekolah Menengah Agama Maarif, Kampung Raja. Kemudian SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] di Sekolah Menengah Agama Maarif, STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] pun di Sekolah Menengah Agama Maarif, Kampung Raja.

RR : Pernahkah Ustaz terlibat dalam sebarang pertandingan untuk mewakili sekolah menengah?

UNZ : Di peringkat sekolah menengah dulu dari segi sukan, saya- masuk perlawanan acara bola sepak sebagai penjaga gol, daripada tingkatan satu lagi. Tingkatan satu sehingga tingkatan tiga mewakili sekolah. Kemudian tingkatan empat pun masih *join* [sertai], dia panggil Pasukan Bola Sepak, *tu* [itu] untuk acara sukan. Manakala acara yang lain *ni* [ini], saya- [berfikir] masuk dalam acara *Musobaqoh* [Musabaqah] masa *tuh* [itu], ataupun Tilawah Al-Quran. Pencapaian pertandingan *Musobaqoh* [Musabaqah] peringkat sekolah-sekolah menengah agama Terengganu *ni* [ini], seluruh Terengganu *ni* [ini], saya dapat tempat yang kedua ataupun naib johan, ketika *tu* [itu].

RR : Bolehkah Ustaz kongsikan satu kenangan yang paling dirindui di sekolah menengah?

UNZ : Kenangan yang paling dirindui- [berfikir] ketika bersama dengan kawan-kawan lamalah, sekarang *ni* [ini] masing-masing bawa diri dengan kerjaya masing-masing (bunyi siren ambulans). Jadi, suasana semasa di bangku persekolahan *ni* [ini] adalah satu kenangan yang sangat bermakna ketika bersama dengan kawan-kawan suatu masa dulu, ketika di zaman persekolahan.

RR : Untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti, bidang apakah yang menjadi pilihan Ustaz?

UNZ : Di universiti, saya- [berfikir] belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia, saya masuk ketika *tu* [itu] ditawarkan dalam bidang Syariah wal *Qonun* [Qanun], ataupun Syariah Undang-Undang. Dalam masa yang sama juga, saya daftarkan diri sebagai pelajar diploma, iaitu Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam, *jugok* [juga] di UKM. Ketika *tu* [itu] saya sebagai *batch* [kumpulan] yang pertama. *Batch* [Kumpulan] yang pertama ketika *tu* [itu] UKM perkenalkan Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam. Jadi, bidangnya lebih kepada bidang perundangan syariah.

RR : Adakah Ustaz menerima sebarang biasiswa atau tajaan dari mana-mana pihak?

UNZ : Ketika *tu* [itu] saya buat pinjaman dengan JPA, ketika *tu* [itu] dia *takdok* [tiada] *mace* [macam] sekarang *ni* [ini] pinjaman PTPTN, masa *tu* [itu] dia JPA, MARA. Jadi, saya dapat JPA.

RR : Bagaimanakah Ustaz menguruskan kewangan sebagai seorang mahasiswa?

UNZ : Jadi, dari segi kewangannya ketika *tuh* [itu] kita kena berjimat-cermat sebab pinjaman yang diberi pada masa *tu* [itu] *nam* [enam] belas ribu untuk *pat* [empat] tahun. Jadi, dia [JPA] pun bagi sikit-sikit duit belanja. Jadi, kena berjimat-cermat.

Kalu [Kalau] sekiranya *dah* [sudah] duit belanja *habih* [habis], jadi *takdok* [tiada] pilihan lain lah, kena *talipon* [telefon] ibu. *Talipon* [Telefon] *mok* [mak] [tersenyum], *mitok* [minta] duit, *mok* [mak] beritahu ke *ayoh* [ayah]. Kemudian, dari segi perbelanjaannya, sangat berjimat-cermat. Alhamdulillah, tidak ada apa-apa masalah dari segi kewangan sepanjang belajar, menuntut di universiti (bunyi air purifier) selama empat tahun.

- RR : Adakah Ustaz terlibat secara aktif dalam kelab atau persatuan di universiti?**
- UNZ : Di universiti dulu, saya diminta oleh kawan-kawan untuk bersama dalam persatuan kepimpinan pelajar. Jadi, ketika *tu* [itu], kawan-kawan dia [kawan-kawan] *mintak* [minta] supaya saya masuk bertanding dalam pilihan raya untuk pemilihan perwakilan pelajar di universiti UKM. Jadi, saya di fakulti pengajian Islam, maka saya masuk sebagai calon pertandingan pilihan raya di peringkat universiti. Alhamdulillah, menang tanpa bertanding. Tidak ada orang yang nak lawan. Jadi, menang secara tanpa bertanding, dan selepas daripada *dia kira* [dikira] *macam* [seperti] parti sayalah, parti saya mahasiswa bersatu. Jadi, parti saya pada masa *tu* [itu], Mahasiswa Penyelamat Ummah rasa, MPU, Mahasiswa Penyelamat Ummah. Masa *tu* [itu] parti saya menang keseluruhan di peringkat universiti, dan saya *pulok* [pula] telah dipilih dan dilantik oleh pimpinan, dia panggil universiti, sebagai exco, salah seorang daripada exco perwakilan pelajar yang memegang portfolio pembangunan rohani. *Kalu* [Kalau] harini, exco agama ataupun menteri agama. Dan alhamdulillah, selama satu penggal.

TAMAT BAHAGIAN A2

BAHAGIAN A3: SEJARAH KERJAYA TOKOH

RR : Selepas tamat pengajian, pada tahun berapakah Ustaz memulakan kerjaya?

UNZ : Saya tamat belajar tahun 1998, ketika *tu* [itu] ekonomi negara kita *ni* [ini] merosot, ataupun ekonomi jatuh. Ketika *tu* [itu] peluang-peluang pekerjaan *ni* [ini] *tak* [tidak] banyak. *Dohla* [Sudahlah] *tok* [tidak] *banyak* [banyak], memang *payoh* [payah] *nok* [nak] cari kerja pada masa *tu* [itu]. Jadi, terpaksa buat kerja untuk sara keluarga, [berfikir] mengajar di pusat-pusat tuisyen, sekolah-sekolah swasta. Jadi, terpaksa berhijrah daripada Kuala Terengganu berhijrah ke Kuantan. Kerana dapat tawaran mengajar di Sekolah Menengah Agama Rakyat Al-Irsyad pada masa *tuh* [itu]. Sekolah Menengah Agama Rakyat Al-Irsyad, Batu Tiga *Setengoh* [½], Jalan Gambang. Jadi, mengajar di situ selama dua *tahong* [tahun] lebih kurang. *Lepah* [Selepas itu], saya dapat *offer* [tawaran], tawaran untuk bekerja sebagai pegawai agama di salah sebuah anak syarikat Petronas, di MTBE Polypropylene di Gebeng. Jadi, rumah saya pun, ketika *tu* [itu] isteri mengajar di sekolah Al-Falah, Sekolah Menengah Agama Al-Falah di Kemaman. Jadi *dak* [tidak] jauhlah, lebih kurang dalam *setengoh* [setengah] jam daripada *rumoh* [rumah] nak pergi ke Gebeng. *Kalu* [Kalau] lebih pun mungkin dalam *setengoh* [setengah] jam atau empat puluh lima minit *jah* [sahaja]. Tak sampai satu jam. Jadi, saya *bertugah* [bertugas] di Petronas lebih kurang dalam dua tahun lebih *jugok* [juga], sehingga tahun 2003. [Berfikir] *Kalu tak* [tidak] silap tawaran tahun 2000. Daripada ‘98 [1998] ke 2000, saya mengajar Sekolah Menengah Agama

Rakyat di Kuantan, kemudian tahun 2000 ke 2003, awallah, awal 2003. Maknanya dalam dua tahun lebih sikit, saya *bertugah* [bertugas] di anak syarikat Petronas *tu* [itu] sebagai pegawai agama di sana. Kemudian, tahun 2003, saya dapat *offer* [tawaran], pada mulanya dipanggil untuk temuduga. Kerana ada satu iklan di dalam surat khabar Utusan pada masa *tu* [itu], yang mana Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu, kita kata Mahkamah Syariah Terengganu, ada kekosongan jawatan sebagai pegawai syariah ataupun hakim, Hakim Mahkamah Rendah Syariah. Kemudian saya cuba memohon, kemudian dipanggil temuduga, dan kebetulan pada masa *tu* [itu] hanya dua orang yang hadir temuduga kerana syarat. Syarat nak memohon kena ada Diploma Pentadbiran Kehakiman ataupun *dia panggil* [dipanggil] DAISY daripada UIA, Diploma Undang-Undang Syariah. Jadi, oleh kerana saya dari UKM, yang rakan saya *sorang* [seorang] lagi daripada UIA. temuduga, jadi dapat belaka dua-dua. Bermulalah kerjaya pertama sebagai penjawat awam. Penjawat awam yang mana kawan saya masih kekal lagi di Mahkamah Syariah sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

RR : Adakah Ustaz pernah menyandang jawatan tersebut di tempat lain?

UNZ : Maksud jawatan tersebut, jawatan apa?

RR : Pegawai Agama.

UNZ : Jadi, *selepas* [selepas] daripada [berfikir] saya berada di mahkamah syariah selama *nam* [enam] tahun, (bunyi *alarm* kereta) kemudian saya ditawarkan, [berfikir] ataupun di *offer* [tawarkan], ditawarkan sebagai pegawai agama daerah. Ketika *tu* [itu] saya *bertugah* [bertugas] di Mahkamah Syariah, *tapi* [tetapi] jabatan hal ehwal agama, dia [jabatan hal ehwal agama] *offer* [tawarkan] *kalu* [kalau] nak *bertugah* [bertugas] sebagai pegawai agama *daerah* [daerah]. Maka, saya pun setuju. Kemudian saya dapat tawaran, adalah sedikit kelebihan *tu* [itu]. Daripada *mahkamoh* [mahkamah], kita bertugas sebagai pegawai agama daerah ada kelebihan. Dari segi gaji, ada dua kenaikan. Kemudian gred pun dia [pejabat hal ehwal agama] bayar dengan gred lebih tinggi daripada gred di Mahkamah Syariah. Jadi, saya pun setuju. Saya pun *bertugahlah* [bertugas] tahun 2008, sebagai kadi, Pegawai Agama Daerah Besut selama lebih kurang dua tahun. Kemudian, saya ditukarkan ke Pejabat Agama Daerah Dungun, juga lebih kurang dalam dua tahun. Daripada Dungun, *kemudiang* [kemudian] dua tahun, saya ditukarkan *pulok* [pula] ke Ketua Penolong Pesuruhjaya Bahagian *Dakwoh* [Dakwah] pada masa *tu* [itu]. Sebagai KPP di Bahagian *Dakwoh* [Dakwah], *kemudiang* [kemudian] tukar ke KPP Bahagian Penguatkuasaan, Ketua Pegawai Penguatkuasa Syariah selama tiga tahun. Kemudian, saya ditukarkan lagi ke Bahagian Penyelidikan selama empat tahun. Kemudian bermula 1 April tahun *ni* [ini] lah, tahun 2024 *ni* [ini], maka saya di tempatkan di Bahagian Pengurusan Masjid. Jadi, soalan tadi berkait?

RR : Pegawai Agama.

UNZ : Pegawai Agama. Dia pegawai agama *ni* [ini], kita *ni* [ini], mana-mana pegawai yang *bertugah* [bertugas] di jabatan hal ehwal agama kesemuanya dipanggil sebagai pegawai hal ehwal Islam. Dan ada *jugok* [juga], dia panggil macam tidak formal, semua pegawai-pegawai yang gred *pat* [empat] puluh satu ke *atah* [atas] *ni* dipanggil sebagai pegawai agama.

RR : Bolehkah Ustaz ceritakan sedikit tentang cabaran yang dihadapi sepanjang menjalankan tugas sebagai pegawai agama?

UNZ : Sebagai pegawai agama, cabaran *tu* [itu] [berfikir], *kalu* [kalau] sekiranya kita mengikut SOP kerja, dia tidak menjadi masalah. Maknanya kita mengikut tatacara kerja yang betul. Cumanya ada sepanjang perkhidmatan *ni* [ini], ketika saya memegang jawatan pegawai penguatkuasa syariah kerana ada sedikit cabaran di sana, kerana [berfikir] terdapat mereka-mereka yang tidak berpuas hati disebabkan mereka ditangkap kerana melakukan kesalahan-kesalahan. Biasanya *lagutu lah* [begitulah]. [Berdehem] *Tapi* [Tetapi] ada *la* [lah] pengalaman. *Hokni* [Yang ini] kadang saya tidak pernah berkongsi, *tapi* [tetapi] oleh kerana soalan *tu* [itu] menyebut berkait *dengang* [dengan] cabaran, maka sebab itu, awal-awal tadi saya sebut bahawa *kalu* [kalau] sekiranya kita mengikut SOP kerja, in sha Allah tidak ada apa-apa permasalahan. *Tapi* [Tetapi] oleh kerana ada kekhilafan disitu, maka ada sedikit [berfikir] cabaran yang sangat hebat. *Kalu* [Kalau] *nok* [nak] dengar ceritanya lebih kurang macam *ni* [ini]. Apabila penguatkuasa, kita

[penguatkuasa] buat ronda- dan kita terima, adakalanya dalam kita ronda-ronda *tu* [itu], kita terima aduan mengatakan di *rumoh* [urmah] alamat sekian-sekian ada pasangan daripada kalangan pelajar-pelajar *sekolah* [sekolah] dia [pengadu] kata. Maka kita pun pergi *la* [lah]. Apabila kita ketuk pintu, ada pelajar laki-laki, ada pelajar perempuan di dalam *rumoh* [rumah] *tu* itu]. Yang mana *rumoh* [rumah] *ni* [ini], *mok* [mak] *ayoh* [ayah] *takdok* [tiada]. Jadi, kita pun *bowok* [bawa] pelajar-pelajar balik ke pejabat. Kita pun *talipon* [telefon] ke guru disiplin *sekolah* [sekolah] tersebut. Maka, guru disiplin datang ke pejabat [menggarukan kepala]. Apabila datang ke pejabat, maka guru disiplin bagitahu, dia kata “Tuan Kadi, Tuan Kadi gari lah pelajar *ni* [ini]. Bagi dia rasa sikit.” Saya pun kebetulan guru disiplin *tu* [itu] *bekah* [bekas] cikgu saya *jugok* [juga]. Jadi, saya pun mungkin dalam bentuk gurauan, kita pun sebagai nak bersetuju dengan cadangan daripada cikgu *tu* [itu] [berfikir] (bunyi air purifier). *Kalu* [Kalau] dalam bahasa Kelantan *ni* [ini] *dia panggil* [dipanggil] tujuannya *nok* [nak] “repok”. *Nok* [Nak] *repok* [ugut] *tu* [itu] bagi dia [pelajar] *ni* [ini] takut, bagi dia [pelajar] *ni* [ini] tidak akan ulangi lagi. Kemudian saya pun *ambik* [ambil] gari, saya pun gari lah tangan dia [pelajar]. Gari *tu* [itu] *holah* [yalah] gari lah macam polis duduk gari pesalah lah *dok* [kan]. Apabila kita gari, [berfikir] kemudian cikgu *ni* [ini] dia kata “*Berapo* [Berapa] nombor *talipon* [telefon] *mok* [mak] *awok* [awak]? Beritahu nombor *talipon* [telefon] *mok* [mak] *awok* [awak], saya *nok* [nak] hubungi, *nok* [nak] bercakap dengan *mok* [mak] *awok* [awak].” Jadi, kemudian cikgu *tu* [itu], dia *mace* [macam] *talipon* [telefon] dia tu *kalu* [kalau] tak silap macam *tokleh* [tidak boleh] *nok* [nak] call. Apabila *tokleh* [tidak boleh] *nok* [nak] call, kemudian

pelajar tadi *dibowok* [dibawa] pergi ke kaunter pejabat. Saya nak *mintak* [minta] supaya guna *talipon* [telefon] pejabat untuk hubungi *mok* [mak] kepada pelajar tadi. Dalam *perjalanang* [perjalanan] pelajar ni *dibowok* [dibawa] ke kaunter, tiba-tiba datang seorang laki-laki yang merupakan bapa saudara kepada pelajar perempuan. Tiba-tiba dia *teruh* [terus] pukul. Apabila dia *teruh* [terus] pukul, kami *ni* [ini] *terkejutla* [terkejutlah], *teruh* [terus] pergi pegang laki-laki *ni* [ini]. Saya tengok keluar *daroh* [darah] daripada mulut pelajar *tu* [itu]. Saya *teruh* [terus] bertindak, saya kata “*Bowok* [Bawa] pergi ke hospital.” Jadi, penguatkuasa *ni* [ini] *teruh* [terus] peluk pelajar tadi *bowok* [bawa] masuk dalam kereta, *teruh* [terus] kita pergi hantar ke hospital. Tujuannya untuk nak buat rawatan. Kita pun *dok* [tidak] tahu kecederaan *tu* [itu] setakat mana. Jadi, apabila sampai di hospital, kita tunggu sehingga pelajar *tu* [itu] *takdi* [tadi] selesai rawatan, kemudian kita nak hantar dia balik. Ketika *tu* [itu] saya dua tiga kali cuba *talipon* [telefon] *ayoh* [ayah] dia, dan boleh bercakap. Saya beritahu, “*Mintok* [Minta] *maah* [maaf] *banyak-banyak* [banyak-banyak] ada sedikit insiden yang tidak dijangka berlaku. Tanpa kita sedar, tiba-tiba yang kata *bapok* [bapa] *sedaro* [saudara] kepada pelajar perempuan, dia datang *sere* [serang], dia pukul.” Kita pun *tok* [tidak] tahu *kecederae* [kecederaan], kita *tok* [tidak] tahu masa *tu* [itu] pasal pelajar *ni* [ini] dia masuk dalam bilik *rawatae* [rawatan]. Saya *tok* [tidak] mahu supaya ayah dia *tu* [itu] rasa *rusing* [risau], *tok* [tidak] mahu ayah dia *tu* [itu] *pikir* [fikir] *susoh* [susah]. Jadi, saya kata *takdok* [tiada] apa-apa *masoaloh* [masalah]. Maknanya, saya akan buat yang terbaik. “*Toksoh* [Tidak usah] *bimbelah* [bimbanglah] *anok* [anak] *okay* [dalam keadaan baik]”, saya kata. Tiba-tiba, saya dapat tahu bahawa

pihak hospital pada masa *tu* [itu] *tok* [tidak] boleh *nok* [nak] buat *rawatae* [rawatan] disebabkan gerahang dia [pelajar] *ni* [ini] *patoh* [patah]. Rupanya, *kemalange* [kemalangan] atau kita kata insiden *tu* [itu] rupanya lebih membimbangkan lagi. Lebih teruk. Maknanya, “Allah.” Kita *ni* [ini] *ngucap* [mengucap]. “Allah.” Kata, “*Bakpo* [Kenapa] *sapa* [sampai] *gitu* [begitu] *pulok* [pula]?” Jadi, hospital *tu* [itu] *nok* [nak] *keno* [kena] hantar ke pakar ataupun *nok* [nak] *keno* [kena] hantar ke masa *tu* [itu] *nok* [nak] *keno* [kena] hantar ke Kubang Kerian. Jadi, kita pun, *tu* [itu] dia panggil *cabare* [cabaran] *tu* [itu]. Macam *mano* [mana] *nok* [nak] *selesa* [selesai]. Jadi, tunggu *ayoh* [ayah] *dio* [dia] balik. Saya pun pergi *ziaroh* [ziarah] di hospital Kubang Kerian. Saya *jupo* [jumpa] *denga* [dengan] *mok* [mak] *ayoh* [ayah] *dio* [dia]. Yelah, kita pun, pasal benda tidak dirancang. Yang mana yang kata *cabare* [cabaran] *tu* [itu]? *Cabare* [Cabaran] *tu* [itu] yang *pertamo* [pertama] sekali apabila kita dimaklum bahawa pihak keluarga *nok* [nak] saman. Apabila nak *samang* [saman] *tu* [itu], dia panggil nak saman kerajaan lah *dok* [kan]? Disebabkan *kecuaiae* [kecuaian] jadi *tu* [itu], [berfikir] dia satu *cabarelah* [cabaranlah] bagi saya *maso* [masa] *tu* [itu]. Macam mana kita nak *berdepe* [berdepan] dengan situasi sekiranya benar pihak keluarga *nok* [nak] *same* [saman]. Jadi, kita sangat-sangat takut pada masa *tu* [itu] dan beberapa siri pertemuan dengan pihak keluarga sebab kita pun *mitok* [minta] *maah* [maaf] benda *tu* [itu] benda yang tidak dijangka, berlaku sekelip mata. Jadi, *kalu* [kalau] kita melakukan *tugah* [tugas] *ni* [ini] *kalu* [kalau] kita ikut tatacara *hok* [yang] sebetulnya, maknanya benda-benda *gitu* [begitu] dia tidak akan berlakulah. Dia tidak akan berlaku. Dan penguatkuasa *ni* [ini] memang dia *banyok* [banyak]

berdepan dengan situasi-situasi getir. Kadang-kadang ada orang yang cuba, lawan disebabkan dia *nok* [nak] meloloskan diri, *macam-macelah* [macam-macamlah]. Jadi, *tu* [itu] satu kenangan yang tidak dapat kita lupa *jugoklah* [jugalah] *sepanje* [sepanjang] *perkhidmate* [perkhidmatan] *ni* [ini].

TAMAT BAHAGIAN A3

BAHAGIAN B1: KETUA PENOLONG PESURUHJAYA

RR : Sepertimana yang diketahui, kini Ustaz menyandang jawatan sebagai Ketua Penolong Pesuruhjaya, bagaimana Ustaz boleh terpilih untuk menjadi seorang Ketua Penolong Pesuruhjaya?

UNZ : Dia *sapa-sapa* [siapa-siapa] yang berkhidmat di jabatan agama apabila [pintu diketuk dan dibuka] sampai tempoh [“eh eh *sorry sorry sorry*”], apabila sampai tempoh kebiasaanlah apabila pegawai yang- [berfikir] berada di gred tertentu. Dia sampai kepada gred tertentu, maka pihak pimpinan, pihak ketua jabatan dia akan tempatkan pegawai tersebut di— [membalik posisi kedudukan] sebagai Ketua Penolong Pesuruhjaya. Kebiasaannya kita nak kena melalui pengalaman *bertugah* [bertugas]. Apabila dah ada pengalaman, maka pihak atasan dia akan buat penilaian, orang *ni* [ini] sesuai duduk di bahagian mana, sebab Ketua Penolong Pesuruhjaya, Pesuruhjaya *ni* [ini] untuk panggilan di Terengganu. *Kalu* [Kalau] negeri-negeri lain dia panggil pengarah. Hanya Terengganu sahaja dipanggil dengan panggilan Pesuruhjaya. Jadi, Ketua Penolong Pesuruhjaya *kalu* [kalau] negeri lain Ketua Penolong Pengarah lah. Jadi, Ketua Penolong Pengarah ataupun

Ketua Penolong Pesuruhjaya *ni* [ini], kebiasaannya dia akan pernah bertugas sebagai pegawai agama *daeroh* [daerah]. Apabila pihak ketua jabatan dia tengok ada kemampuan untuk memegang mana-mana bahagian yang sesuai, sebab di jabatan agama *ni* [ini] kita ada beberapa bahagian. Yang pertama bahagian *dakwoh* [dakwah], bahagian *dakwoh* [dakwah] *ni* [ini] dia kira macam kananlah, jawatan kanan. Ketua Penolong Pesuruhjaya Kanan. Yang kedua, bahagian undang-undang keluarga, KPP dia panggil. KPP Kanan *jugok* [juga]. Sebab dia gred lebih tinggi daripada bahagian-bahagian yang lain. Kemudian yang ketiga, ada bahagian Pengurusan Halal, ada bahagian Pengurusan Masjid, ada bahagian Penyelidikan. Kemudian, *kalu* [kalau] dulu kita ada bahagian Pendidikan. *Lepahtu* [Selepas itu], bahagian Penguatkuasaan.

- RR : Apakah peranan utama Ustaz sebagai Ketua Penolong Pesuruhjaya?**
- UNZ : Peranan. Peranan bergantung kepada yang pertama bahagian-bahagian yang saya sebut tadi. Jadi, peranan di bahagian-bahagian tadi dia akan berbeza antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. *Kalu* [Kalau] di bahagian *dakwoh* [dakwah], dia fokus kepada aktiviti *dakwoh* [dakwah]. *Kalu* [Kalau] bahagian Halal, dia fokus kepada sijil halal, pematuhan halal oleh restoren ataupun pengeluar-pengeluar produk. *Kalu* [Kalau] bahagian penguatkuasaan, peranannya berkait dengan penguatkuasaan undang-undang. *Kalu* [Kalau] di bahagian masjid *ni* [ini], sekarang *ni* [ini] maknanya saya nak kena jaga lima ratus *sebelah* [sebelas] buah masjid seluruh negeri Terengganu, termasuk surau-surau. Saya nak kena buat

lantikan urus. Maknanya, KPP *ni* [ini] lebih kepada merancang dan mengurus, menyelia, menyelaras. Maknanya, kita akan keluarkan arahan kepada pejabat agama daerah-daerah berkait dengan hal ehwal pengimaranan masjid, apa-apa *kaitang* [kaitan] dari segi tatacara, peraturan, pelantikan jawatankuasa, pelantikan imam bilal, kita nak buat temuduga nak lantik imam bilal. Kemudian, kita nak kena— untuk dari segi pembinaan masjid baru kalau ada kerosakan-kerosakan masjid. Maknanya semua *tu* [itu] berkait dengan hal ehwal masjid, surau maka dia makna bahagian pengurusan masjidlah. Kita yang akan bertanggungjawab. Termasuk *jugok* [juga] dari segi garis panduan, SOP apa semua sekali *tu* [itu]. Dari segi kewangan masjid, termasuk *jugok* [juga] kita *nok* [nak] kena urus dari segi aduan-aduan awam, aduan-aduan oleh masyarakat *ni* [ini] berkaitan dengan mungkin *tok* [tidak] *puah* [puas] hati dari segi tugas imam bilal. Berkait *jugok* [juga] dengan jawatankuasa masjid. Ada pun *kalu* [kalau] di masjid, berkait dengan kelas-kelas pengajaran. *Hoktu* [Yang itu] dia akan duduk di bawah bahagian *dakwoh* [dakwah] sebab dia *kait* [berkait] dengan *dakwoh* [dakwah] walaupun berlaku di—, aktiviti *tu* [itu] berlaku di masjid. Jadi, bahagian masjid *ni* [ini] juga oleh kerana sebahagian besar tanah-tanah kubur berada bersebelahan dengan masjid, maka bahagian masjid *jugok* [juga] yang bertanggungjawab untuk urus tadbir tanah-tanah kubur. Tanah-tanah kubur kerana sebahagian besarnya dijaga oleh masjid-masjid yang berada bersebelahan dengan tanah kubur.

RR : **Adakah terdapat kursus atau latihan tertentu yang wajib diikuti untuk meningkatkan kemahiran sebagai Ketua Penolong Pesuruhjaya?**

UNZ : Mana-mana Ketua Penolong Pesuruhjaya di bahagian-bahagian yang saya sebut tadi, pihak JAKIM akan mengadakan bengkel, seminar, [berfikir] (bunyi air purifier) program. Program sama ada *kursuh-kursuh* [kursus-kursus] untuk nak memberi kemahiran ataupun pengalaman di bidang-bidang bahagian masing-masing. *Kalu* [Kalau] misalnya contoh, *kalu* [kalau] misalnya saya sebagai abp masjid, pihak JAKIM dia akan anjurkan program-program, seminar, sesi libat urus, bengkel dari semasa ke semasa untuk kita hadir. Di samping *tu* [itu], pegawai-pegawai bawahan kita *jugok* [juga] dijemput untuk hadir *sama* [bersama]. Jadi, bahagian-bahagian yang lain pun begitulah. Maknanya, berkait dengan *kursuh-kursuh* [kursus-kursus] *ni* [ini] sentiasa ada. Sama ada di anjur oleh JAKIM, kadang-kadang oleh agensi-agensi agama lain, IKIM ataupun [berfikir] Yayasan [berfikir] ILIN, macam-macam pusat-pusat latihan. Jadi, kita akan dari semasa ke semasa kalau ada jemputan kita hadir. Di samping *tu* [itu], jabatan kita sendiri pun ada *jugoklah* [jugalah] *kursuh-kursuh* [kursus-kursus] berkait dengan pengurusan. Pengurusan jabatan untuk nak memperkasa, untuk nak tambah pengalaman-pengalaman kerja dari semasa ke semasa. Sentiasa ada.

RR : **Apakah cabaran utama yang pernah Ustaz hadapi semasa menjadi Ketua Penolong Pesuruhjaya?**

UNZ : [Berfikir] Cabaran ni, kadang-kadang kita ada perancangan. Kita ada nak buat sesuatu. Sesuatu yang kita nak rancang itu memerlukan kepada kerjasama, sokongan daripada anak buah kita, dan kadang-kadang apabila arahan-arahan yang kita beritahu tidak diambil perjalanan. Maknanya, [berfikir] dia akan menjadi terbantut. Maknanya, tidak dilaksanakan sebagaimana yang kita rancang, dan itu dia panggil masalah *manpower* [tenaga manusia] lah *dok* [kan]? Dia panggil masalah *anok* [anak] *buoh* [buah]. Jadi, [berfikir] kadang-kadang dia akan berlaku benda-benda *ni* [ini]. Kita akan cari jalan penyelesaian untuk—[berfikir], yelah, sebagai ketua *ni* [ini] kita akan rasa macam *frust* [kecewa] lah. Kita akan rasa *frust* [kecewa] kerana program yang kita rancang, *ketah* [kertas] *kija* [kerja] yang kita buat tidak dapat dilaksanakan.

RR : Apakah solusi yang Ustaz lakukan untuk mengatasi cabaran tersebut?

UNZ : Macam tadilah, *kalu* [kalau] pegawai-pegawai *ni* [ini] ada *masaloh* [masalah] kita terpaksa lapor kepada pihak atasan untuk ditukarkan ke bahagian yang lebih sesuai dengan dia. Mungkin dia ada minat tersendiri, dia *tak* [tidak] sesuai duduk di bahagian-bahagian tertentu. Mungkin dia *nok* [nak] ataupun mungkin dia terlalu lama, maka dia pun mungkin dah *takdok* [tidak ada] semangat. Solusinya, kita *nok* [nak] kena buat *reshuffle* [rombakan], *nok* [nak] kena susun balik pegawai-pegawai supaya semangat baru, idea baru dapat kita laksanakan.

RR : Apakah pencapaian yang paling membanggakan Ustaz sepanjang menjadi Ketua Penolong Pesuruhjaya?

UNZ : Ketua Penolong Pesuruhjaya macam saya sebut tadilah. Saya dah ada [berfikir] 4 [empat] pengalaman, di bahagian dakwah, bahagian penguatkuasa, di bahagian penyelidikan, dan sekarang *ni* [ini] di bahagian masjid. Pencapaian yang [membaiki posisi kedudukan] membanggakan untuk diri sayalah secara *personal* [peribadi], dan mungkin soalan-soalan yang akhir-akhir *tu* [itu] mungkin akan tanya *jugoklah* [jugalah]. Berkait dengan pencapaian dari segi yang pertama saya nak sebut dari segi anugerah. Dari segi anugerah maknanya hasil daripada usaha [berfikir] yang saya buat untuk menggerakkan bahagian penguatkuasaan pada masa *tu* [itu]. Oleh kerana saya *ni* [ini] daripada *background* [latar belakang] undang-undang *dok* [kan]. Saya daripada mahkamah. Apabila saya duduk di bahagian penguatkuasaan *ni* [ini], bahagian penguatkuasaan *ni* [ini] dia berkait dengan undang-undang. Jadi, saya cuba buat sesuatu agar bahagian penguatkuasaan *ni* [ini] ter ke hadapan. Saya cuba- [berfikir] maksimumkan dari segi tindakan operasi. Dari segi operasi. Operasi *ni* [ini] maknanya kita turun ke setiap tempat-tempat dia panggil *hot spot* [tempat panas], tempat-tempat yang panas untuk yang terjadinya aktiviti-aktiviti. Yang menjadi tempat tumpuan untuk aktiviti-aktiviti terutamanya bagi kesalahan-kesalahan jenayah syariah, sama ada kes-kes khalwat ke, judi, tempat-tempat maksiat. Jadi kita *buleh* [boleh] dikatakan setiap malamlah. Hasilnya, saya diberi anugerah pencapaian APC negeri, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Negeri Terengganu. Jadi, [berfikir] saya melihat secara umum mereka yang nak dipilih untuk diberi APC negeri *ni* [ini],

saya nampak *kebanyakannya* [kebanyakannya] adalah mereka-mereka yang hampir, yang di penghujung perkhidmatan. Setahun *nok* [nak] penced ataupun tahun akhir *nok* [nak] penced baru dapat, tapi saya ketika *tu* [itu] masih baru. Maknanya pihak jabatan, pihak kerajaan negeri telah pun dia menganugerahkan APC *tu* [itu]. APC *ni* [ini] maknanya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang peringkat negeri. *Hok* [Yang] peringkat jabatan *tu* [itu], *hok* [yang] *tu* [itu] ramai orang dapat, tapi *hok* [yang] negeri *ni* [ini] dia mempunyai kriteria-kriteria. Maknanya, alhamdulillah, untuk pencapaian kepada untuk diri saya. Ada pun dari segi bahagian *tu* [itu] sendiri, maknanya kita cuba bina SOP-SOP kerana sebelum daripada *tu* [itu] belum ada SOP. Jadi, kita buat SOP kerana sebagai jabatan kerajaan *ni* [ini], [berfikir] pihak pengurusan di peringkat kerajaan sama ada kerajaan pusat ataupun kerajaan negeri daripada dulu lagi, dia sentiasa tekankan supaya jabatan-jabatan *ni* [ini] mengadakan SOP kerja, dan kita patuh, kita ikut SOP tadi supaya hasil perkhidmatan kita tadi tidak, ataupun sentiasa berada di atas landasan.

TAMAT BAHAGIAN B1

BAHAGIAN B2: BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID

- RR : Dalam bahagian pengurusan masjid, apakah pendekatan yang diambil oleh Ustaz untuk meningkatkan penglibatan jemaah dalam aktiviti masjid selain dari solat?**

UNZ : Kita di bahagian pengurusan- masjid, kita telah lantik jawatankuasa di setiap masjid. Maka, jawatankuasa tadi, dia kena bentuk biro-biro. Setiap biro-biro tadi adalah daripada ahli jawatankuasa masjid, dilantik sebagai ketua biro. Ada biro kebijakan, ada biro *dakwoh* [dakwah], ada biro wanita, ada biro belia, ada biro sukan, ada biro pendidikan. Jadi, maknanya biro-biro tadilah yang memainkan peranan untuk nak menggerakkan masjid. Yang mana pengerusi sebagai ketua kepada jawatankuasa *tu* [itu] nak kena bersama-sama dengan semua ahli jawatankuasa untuk nak menggerakkan aktiviti di masjid. *Kalu* [Kalau] kita tengok masjid yang terbaik, sebab apa dia dipilih sebagai masjid terbaik? Kerana perancangan, aktiviti, pengimaranan, sokongan daripada ahli *jemooh* [jemaah]. Maknanya, dia [berfikir] bersatu. Dia bersatu maknanya *jemooh* [jemaah] datang ramai. Macam mana kita *nok* [nak] supaya *jemooh* [jemaah] datang ramai? *Hok* [Yang] datang ramai *ni* [ini] dia panggil *imaroh* [imarah], pengimaranan. Nak *imaroh* [imarah] *ni* [ini], makna *nok* [nak] *keno* [kena] tarik ahli *qoriah* [qariah]. Macam mana *caro* [cara]? Dari segi kuliah-kuliah mungkin kita *nok* [nak] *keno* [kena] jemput *penceramoh-penceramoh* [penceramah-penceramah] yang hebat-hebat. Apabila *penceramoh* [penceramah] hebat-hebat datang ke masjid maka orang ramai. *Nok* [Nak] jemput pengkuliah yang hebat-hebat, sebut *doh* [sudah] hebat *ni* [ini] bayarannya pun mahal *la* [lah] sikit, *dok* [kan]? Jadi, *nok* [nak] *keno* [kena] *ado* [ada] duit. Duit *ni* [ini] adalah *sumbangae* [sumbangan] daripada *jemooh* [jemaah]. *Bayangkae* [Bayangkan] *kalu* [kalau] *jemooh* [jemaah] beri sumbangan tapi jawatankuasa *tidok* [tidak] buat sesuatu. Jadi, apabila *tidok* [tidak] buat sesuatu, duit *banyak* [banyak] *sajo-sajo* [sahaja-sahaja]. Jadi, *ore* [orang] ahli

qoriah [qariah], kita panggil ahli *qoriah* [qariah] *ni* [ini] maknanya masyarakat yang tinggal di sekitar masjid ataupun kita kata *ore* [orang] *kapong* [kampung]. *Ore* [Orang] *kapong* [kampung] jadi *tok* [tidak] *berapo* [berapa] *nok* [nak] *gi* [pergi]. Mungkin *ore* [orang] *kapong* [kampung] tadi [berfikir] dia apabila masjid *ni* [ini] tidak menarik, tidak dapat menarik masyarakat. *Mace* [Macam] mana *nok* [nak] tarik? Kena buat aktiviti *la* [lah] *banyak* [banyak]. *Kalu* [Kalau] kita kata, misalnya, hasil daripada *sumbangae* [sumbangan] hari jumaat, *sumbangae* [sumbangan] maknanya lebih sembahyang fardhu, masjid dapat *kutipe* [kutipan] *banyak* [banyak]. *Nok* [Nak] bagi ahli-ahli *jemooh* [jemaah] *seleso* [selesa], kena *pase* [pasang] *aircond* [penghawa dingin]. *Kalu* [Kalau] karpet *tu* [itu] karpet *doh* [sudah] lama, maka kena beli karpet baru. *Lepahtu* [Selepas itu], anak-anak di kampung *tu* [itu] yang masih belajar di peringkat sekolah *rendoh* [rendah] ke sekolah *menengoh* [menengah] ke (bunyi air purifier), sepatutnya jawatankuasa buatlah tuisyen-tuisyen, *dok* [kan]? Buat tuisyen. *Kalu* [Kalau] belia-belia remaja *tu* [itu] ramai, buatlah program-program aktiviti *sukae* [sukan]. Untuk *nok* [nak] tarik *ore-ore* [orang-orang] *tuo* [tua] *pulok* [pula] pergi ke masjid, buatlah *kelah-kelah* [kelas-kelas] yang penceramah-penceramah yang pandai. Dalam penyampaian *tu* [itu] maknanya mudah difahami, tidak mengantuk, *lepahtu* [selepas itu] mungkin boleh buat program qiamullail. *Sebenarnyo* [Sebenarnya] *banyak* [banyak] program *kalu* [kalau] kita kata *mace* [macam] *dikalange* [dikalangan] sekitar masjid *tu* [itu], kalau ada orang-orang miskin, orang-orang susah, masjid boleh buat program turun *pade* [padang]. Kita panggil program *ziaroh* [ziarah]. *Ziaroh* [Ziarah] ahli-ahli *qoriah* [qariah] yang uzur, yang sakit,

hok [yang] miskin. *Bowoklah* [Bawalah] bakul-bakul makanan *berah* [beras], *gulo* [gula], *minyok* [minyak], sesuatulah. *Buoh-buoh* [Buah-buah]. Pergi buat *ziaroh* [ziarah]. Jadi, *ore-ore* [orang-orang] *kapong* [kampung] *situ* [disitu] pun *beraso* [berasa] malu *jugok* [juga]. *Ore* [Orang] masjid mari ke *rumoh* [rumah] *kito* [kita], *kito* [kita] *dok* [tidak] *gi* [pergi] *semaye* [solat] di masjid. *Dio* [Dia] *ake* [akan] jadi *raso* [rasa] malu, dia pun akan pergi *la* [lah] ke masjid. Untuk *nok* [nak] tarik. *Mace* [Macam] belia-belia *tu* [itu], *kalu* [kalau] kita buat program *suke* [sukan], tok *ime* [imam] sendiri jadi pengadil contohnya, jadi apabila *dah* [sudah] hampir nak masuk waktu solat, tok *ime* [imam] kata “Okey, kita *break* [rehat] sekejap.” ataupun dari kalangan jawatankuasa ke, “Kita *break* [rehat] sekejap. Kita *gi* [pergi] *semaye* [solat]. *Pakat* [Bersama-sama] *gi* [pergi] *semaye* [solat]. *Kito* [Kita] *bereti* [berhenti] rehat. Kemudian, *kito* [kita] *semaye* [solat].” Maknanya, *mace-mace* [macam-macam] *la* [lah]. *Kalu* [Kalau] macam di Masjid Temerloh Jaya. Kanak-kanak—, tapi di Terengganu *ni* [ini] pun ada. Kanak-kanak yang datang solat subuh akan diberi duit saku. Dia bagi *la* [lah] RM5 [Ringgit Malaysia lima]. Jadi, ramai, penuh masjid dengan kanak-kanak, *budok-budok* [budak-budak]. *Budok-budok* [Budak-budak] *ni* [ini] *pulok* [pula] *mok* [mak] *ayoh* [ayah] *ado* [ada] sekali. [batuk] Jadi, *mok* [mak] *ayoh* [ayah] pun *mari* [datang], *anok-anok* [anak-anak] pun *mari* [datang], jadi ramai. *Kalu* [Kalau] tengok masjid yang dapat tempat pertama *tu* [itu], *mace-mace* [macam-macam] aktiviti dia buat. *Banyok* [Banyak] program *hok* [yang] dia buat. Sebab *tu* [itu] dia dapat markah tertinggi. *Dale* [Dalam] masa yang *samo* [sama] masjid *tu* [itu] *nok* [nak] *keno* [kena] *seleso* [selesa], imam bilal kena mesra *jemooh* [jemaah], *tokleh*

[tidak boleh] *nok* [nak] *maroh-maroh* [marah-marah]. *Lepahtu* [Selepas itu], hubungan dengan masyarakat setempat *tu* [itu] baik. Jadi, *kalu* [kalau] imam bilal pun *jare-jare* [jarang-jarang] pergi masjid. *Dok* [Kan]? *Lepahtu* [Selepas itu], *persekitarae* [persekitaran] *tidok* [tidak] *seleso* [selesa]. Jadi, *menyebabkae* [menyebabkan] *takdok* [tiada] *peningkatae* [peningkatan] dari segi pengimaranan. Jadi, *kesimpulannya* [kesimpulannya] *banyak* [banyak] *tu* [itu] *sebenarnya* [sebenarnya] program untuk kita *nok* [nak] tarik ahli *qoriah* [qariah] *hok* [yang] *mari* [datang] *doh* [sudah] *tu* [itu] *takdok* [tiada] masalah *la* [lah], *hok* [yang] *tok* [tidak] mari lagi *tuh* [itu]. *Mace-mace* [Macam-macam] program *doh* [sudah] buat untuk pengimaranan.

RR : Bagaimana Ustaz memastikan bajet dan peruntukkan masjid digunakan dengan baik untuk kebaikan jemaah?

UNZ : *Hoktu* [Yang itu] [berdehem] *terseroh* [terserah] kepada jawatankuasa masjid untuk yang menguruskan kewangan. Sebab yang *tu* [itu] apabila *dah* [sudah] kita lantik pengurus, timbalan, *su* [setiausaha], bendahari. Maka, bendahari bertanggungjawab untuk membelanjakan duit-duit masjid dan kita akan sentiasa buat pemantauan. *Kalu* [Kalau] sekiranya ada teguran, kita tegur, *kalu* [kalau] patut kita tegur, kita beri teguran. *Kalu* [Kalau] ada aduan sekian-sekian, maka kita akan *panjekea* [panjangkan] kepada masjid berkenaan. Dari segi kewangan, *dok* [kan]? Dari segi kewangan maknanya pihak masjid sendiri yang menguruskan kewangan. Jadi, kita di bahagian pengurusan masjid, kita *ni* [ini] di pejabat, kita

tak [tidak] campur. Bukan *tok* [tidak] campur, maknanya kita tidak mengganggu, *interfere* [campur tangan] campur tangan urusan kewangan di masjid. Cuma kita pantau, takut-takut ada yang menyeleweng, tidak patuh dari segi kewangan dan kita akan buat perjumpaan dengan mengikut *daerah-daerah* [daerah-daerah] dan kita akan jemput. Program *ni* [ini] pun kita telah buat. Kita jemput daripada pegawai daripada SPRM untuk beritahu kepada masjid-masjid. Sebarang kutipan hendaklah dimasukkan ke akaun masjid. Jangan masuk dalam akaun pengerusi. Perbelanjaan, perolehan, apa-apa aktiviti yang kita perlu menggunakan duit tabung masjid sebarang pembelian, perolehan *nok* [nak] kena ada rekod. Kita *nok* [nak] kena simpan sebarang resit-resit. *Lepahtu* [Selepas itu], pemeriksa kira-kira nak kena check supaya tidak berlaku penyelewengan.

TAMAT BAHAGIAN B2

BAHAGIAN B3: BAHAGIAN PENYELIDIKAN

- RR : Dalam bahagian penyelidikan, bagaimana Ustaz memastikan penyelidikan yang dilakukan relevan dengan isu-isu semasa dalam masyarakat?**
- UNZ : Saya sebelum ke bahagian pengurusan masjid *ni* [ini], saya bertugas selama 4 [empat] tahun di bahagian penyelidikan. Sekarang *ni* [ini] *ore* [orang] lain. Jadi, di bahagian penyelidikan, kita sebagai KPP pada masa *tu* [itu], kita lebih kepada menjadi penyelia untuk program penyelidikan. Maksudnya, bahagian penyelidikan kita sendiri tidak menjadi pegawai penyelidik. Kita bukan pegawai penyelidik sebab kita tidak [membalik posisi kedudukan] ada kemampuan untuk**

menyelidik sesuatu isu ataupun perkara-perkara. Dengan makna atas nama menyelia ataupun sebagai penyelia. Di bahagian penyelidikan, saya akan [berfikir] angkat permohonan untuk dapatkan dana. Dana untuk penyelidikan. *Sapa* [Siapa] yang buat penyelidikan *tu* [itu]? Penyelidikan *tu* [itu] daripada kalangan pensyarah-pensyarah universiti. Kita akan cari pensyarah-pensyarah. Kemudian, kita akan bincang apa penyelidikan yang sesuai untuk semasa. Maka, dia beritahu *la* [lah] kita nak selidik. Contohnya, kita nak selidik sejauh mana masyarakat di negeri Terengganu ini, berpegang kepada fahaman ahli sunnah waljamaah. Kita pun setuju, okay *kalu* [kalau] *lagutu* [macam itu] kita setuju, kita lantik beberapa orang pensyarah universiti, kita mohon peruntukkan dana dengan pihak majlis agama. Maka, apabila *luluh* [lulus] peruntukan *tu* [itu], maka kita pun mintaklah pihak pensyarah universiti untuk buat kajian penyelidikan berkaitan isu-isu. *Mace-mace* [Macam-macam] isulah. Isu maknanya sejauh mana [berfikir] rakyat di negeri Terengganu bahagia hidup dalam rumah tangga. Sejauh mana kebahagiaan rumah tangga untuk rakyat di negeri Terengganu. Jadi, kita pun lantiklah pensyarah untuk buat kaji selidik. Sejauh mana rakyat di negeri Terengganu. Dia lebih kepada *kajiae-kajiae* [kajian-kajian] *ni* [ini] untuk kita nak melihat rakyat di negeri Terengganu dari segi *mace-macelah* [macam-macamlah]. Dari segi [berfikir] pegangan *akidohnya* [akidahnya]. Dari segi [berfikir] *hok* [yang] *kait* [berkait] dengan kemasyarakatan.

RR : **Boleh Ustaz jelaskan, adakah penyelidikan tersebut memberi kesan dalam membentuk program atau polisi yang dilaksanakan oleh jabatan?**

UNZ : *Ule* [Ulang] semula.

RR : **Boleh Ustaz jelaskan, adakah penyelidikan tersebut memberi kesan dalam membentuk program yang dilaksanakan oleh jabatan?**

UNZ : [Berfikir] Memang. Maknanya, *kalu* [kalau] *sekironyo* [sekiranya] penyelidikan yang ada kaitan dengan jabatan, dia memberi kesan. Dia *beri* [memberi] kesan di peringkat jabatan *ni* [ini], kita boleh *ambil* [ambil] manfaat daripada kajian yang dibuat kerana kajian yang dibuat *tu* [itu] mungkin hasil kajian itu, penyelidikan itu, dia akan terbitkan dari segi [berfikir] panduan-panduan kepada jabatan, garis panduan yang boleh kita guna pakai. [Menggangguk]

RR : **Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan kualiti penyelidikan di kalangan penyelidik pada bahagian ini?**

UNZ : [Berfikir] Apakah?

RR : **Langkah yang diambil untuk meningkatkan kualiti penyelidikan di kalangan penyelidik bahagian ini?**

UNZ : *Hoktu* [Yang itu] *la* [lah] *kato* [kata], penyelidik-penyalidik di bahagian *takdok* [tiada]. Maknanya, penyelidik-penyalidik *ni* [ini] daripada kalangan pensyarah-pensyarah yang mana kita [berfikir] sangat-sangat [berfikir] bekerjasama. Ada sebahagian pensyarah-pensyarah di universiti *ni* [ini] memang dia ada benda yang dia *nok* [nak] selidik, cuma dia tidak ada dana. Maka, dia buat kerjasama dengan bahagian penyelidikan dan kita akan memohon peruntukan dana. Apabila *luluh* [lulus] program-program [membalik posisi kedudukan] *tu* [itu], maknanya dia akan teruskanlah *kajiae-kajiae* [kajian-kajian] *tu* [itu]. Contoh, saya *ambil* [ambil] contoh, kita di bahagian penyelidikan *tu* [itu], antara *tugahnya* [tugasnya] kita ada relau untuk kita bakar al-Quran-al-Quran *lamo* [lama]. Al-Quran yang *sudoh* [sudah] *rosok* [rosak], al-Quran yang *sudoh* [sudah] *lamo* [lama] maka kita akan bakar. Apabila kita bakar, abu-abu *tu* [itu] kita akan proses, kita buat kiub. Kiub-kiub *ni* [ini] seketul-seketul berat dia lebih kurang dalam 10 [sepuluh] kilo [kilogram]. Kemudian, kita akan buang di laut, kita akan *guno* [guna] kapal jabatan laut, kita pergi buang di tengoh-tengoh [tengah-tengah] laut. Dia tidak mengganggu ataupun *merosokkan* [merosakkan] alam sekitar. *Tidak* [Tidak] *merosokkan* [merosakkan] air ataupun hidupan di dalam air. Jadi, apa yang saya nak beritahu disini, *ado* [ada] agensi (bunyi siren ambulans) daripada SIRIM. Dia datang bincang dengan kita, dia *nok* [nak] [berfikir] perkenalkan satu kaedah untuk pelupusan al-Quran dengan *tidok* [tidak] cara membakar. Tetapi dia kata dia maknanya dia perkenalkan satu produk cecair bahan kimia, yang mana al-Quran-al-Quran *lamo* [lama] *ni* [ini] [mengambil kertas], dia akan masukkan ke dalam bahan cecair tadi [melipatkan kertas], kemudian apabila angkat

[mengangkat kertas] semua dakwat-dakwat (bunyi air purifier) akan hilang melalui cecair tadi. Makna sekarang *ni* [ini], apa yang ada adalah *ketah* [kertas] kosong [menunjukkan kertas kosong]. *Ketah* [Kertas] kosong *ni* [ini] akan *diproseh* [diproses] untuk menjadi *ketah* [kertas] baru. Dan *ketah* [kertas] baru *ni* [ini] boleh digunakan untuk apa-apa *cetakkeu* [cetakan] lain *pulok* [pula]. Itu dia cuba perkenalkan. Tapi, [berfikir] saya *tak* [tidak] pasti sama ada diteruskan ataupun *tidok* [tidak] kerana kajian *tu* [itu] dia *cubo* [cuba] cadang, kemudian saya pun *tak* [tidak] berapa lama *lepahtu* [selepas itu], bertukar ke bahagian masjid.

TAMAT BAHAGIAN B3

BAHAGIAN B4: BAHAGIAN PENGUATKUASA

RR : Dalam bahagian penguatkuasa, bagaimana Ustaz memastikan penguatkuasaan dijalankan tanpa mengorbankan hak-hak individu dalam masyarakat?

UNZ : Kita ikut SOP dan kita ikut sebagaimana undang-undang yang diberi kepada kita. Maknanya, dari segi hak-hak individu *tu* [itu] kita tidak ganggu, itu *hok* [hak] *dio* [dia]. Jadi, kita buat kerja setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

RR : Bagaimana Ustaz mengatasi situasi di mana penguatkuasaan yang dijalankan mendapat reaksi negatif daripada masyarakat?

UNZ : [Berfikir] Disamping— Untuk masyarakat saya *napok* [nampak], ramai yang *beri* [memberi] sokongan. Sepanjang saya *bertugah* [bertugas], [berfikir] ada teguran-teguran daripada segelintir yang mungkin disebabkan kekurangan ataupun kelemahan [berfikir] undang-undang yang sedia ada, dan kita cuba perbaiki dari semasa ke semasa untuk selesaikan *masaloh* [masalah], terutamanya SOP. Apabila kita buat kerja tidak berpandukan kepada SOP. Maka, ada segelintir masyarakat tadi dia tidak berpuas hati. Kita cuba perbaiki supaya tidak timbul lagi yang kata *tak* [tidak] *puah* [puas] hati *tu* [itu].

RR : Apakah prosedur yang digunakan untuk menangani aduan atau laporan yang berkaitan dengan pelanggaran undang-undang?

UNZ : [Berfikir] Kita kena *balik* [berbalik] kepada SOP. *Kalu* [Kalau] sekiranya ada aduan macam saya sebut tadi, maknanya kita kena buat SOP, dan kita kena [berfikir] ikut SOP. Dari segi perundangan *dio* [dia] *tokleh* [tidak boleh] *nok* [nak] lari *doh* [sudah]. Setakat yang diberi kuasa kepada kita.

RR : Bagaimana Ustaz merancang dan menyelaras operasi penguatkuasaan untuk memastikan ia berkesan?

UNZ : Sebelum sebarang operasi yang nak dibuat, yang pertama kita *nok* [nak] kena *beri* [bagi] taklimat kepada anggota. Taklimat *tu* [itu] *nok* [nak] kena jelas dan taklimat *tu* [itu] difahami. Yang pertama untuk keberkesanan operasi, *kalu* [kalau] masa

saya pegang penguatkuasa dulu. Maknanya, yang pertama kita *nok* [nak] supaya anggota-anggota *ni* [ini] dia semangat. Semangat untuk melakukan operasi. Jadi, yang pertama kita *nok* [nak] kena biar dia *tu* [itu] sedar bahawa dia adalah pegawai penguatkuasa syariah. Jadi, saya cuba usahalah dulu untuk supaya setiap anggota *ni* [ini] dia ada pakaian penguatkuasa. Pakaian untuk operasi. Paling-paling *tidak* [tidak] pun maknanya kita cuba buat *vest* [jaket] untuk dia pakai semasa operasi. Jadi, orang pun tahu bahawa pegawai-pegawai kita *ni* [ini], maknanya orang boleh kenal melalui pakaian. Jadi, dia pun semangat. Jadi kita pun dalam masa yang *samo* [sama] kita kena [berfikir] tekankan supaya anggota-anggota penguatkuasa dia tidak boleh terpisah dengan disiplin. Kalu nak pergi buat operasi, kalau *paka* [pakai] selipar jepun, mana boleh. Kalu *nok* [nak] pergi buat operasi, peralatan contohnya, kita kata lampu suluh. Pada waktu malam lampu suluh pun *takdok* [tiada]. Jadi persiapan *tu* [itu] *nok* [nak] *keno* [kena] *ado*[ada]. Tapi persiapan fizikal [menggerakkan tangan], persiapan dari segi peralatan [menggerakkan tangan] tadi, yang lebih penting persiapan ilmu berkait dengan perundangan. Jadi, ilmu *ni* [ini] mencakupi [menggerakkan tangan] dia *nok* [nak] kena tahu tentang kesalahan [menggerakkan tangan], elemen-elemen dalam kesalahan. Dia *nok* [nak] kena tahu [menggerakkan tangan] dari segi SOP kerja. *Kalu* [Kalau] kita buat banding [menggerakkan tangan], dulu, penguatkuasa syariah apabila dia pergi ke lapangan untuk buat tangkapan. Apabila dia [berfikir] terima aduan, dia pergi [menggerakkan tangan]. Contohnya, dia ketuk bilik. Apabila bilik *tu* [itu] dibuka, ada seorang laki-laki, ada seorang perempuan. Maka dia tangkap *wak* [bawa] balik ke pejabat. Kemudian dia buat kertas siasatan, dia serah kepada

pihak pendakwa untuk didakwa. Jadi, *hok* [yang] saya *nok* [nak] beritahu, dulu-dululah cerita-cerita lama dulu. Apabila sebut penguatkuasa syariah. Maka dia pergi tangkap orang buat *saloh* [salah]. *Sepatutnya* [Sepatutnya] *dio* [dia] kena pergi cari bukti orang buat *saloh* [salah]. Sebab bukti-bukti inilah yang kita *nok* [nak] *bowok* [bawa] dalam mahkamah. Kita bukan *nok* [nak] pergi tangkap orang buat *saloh* [salah], tapi kita *nok* [nak] pergi cari bukti orang buat *saloh* [salah]. Boleh tahu? [Menggerakkan tangan] Tahu *dok* [tidak] perbezaan *dio* [dia]? *Kalu* [Kalau] kita pergi tangkap orang buat *saloh* [salah], dalam *mahkamoh* [mahkamah] dia akan lawan bicara. Kita tidak ada *persiapae* [persiapan] [menggerakkan tangan]. Apabila dia pakai *lawyer* [peguam], dia *lawe* [lawan], *kih* [kes] *terlepas* [terlepas]. Apa bukti dia buat *saloh* [salah]? *Takdok* [Tiada]. Maksud saya bukti *tu* [itu] penting kerana bukti *tu* [itu] kita *nok* [nak] *bowok* [bawa] dalam *mahkamoh* [mahkamah]. Maknanya [membalik posisi kedudukan] bukti dia buat *saloh* [salah], yang *pertamo* [pertama] [menggerakkan tangan] dia *ado* [ada] daftar dengan *pihok* [pihak] hotel bahawa dia menginap di situ. *Tu* [Itu] *la* [lah] bukti, bahawa dia menginap di situ. *Lepahtu* [Selepas itu], bilik *hok* [yang] dia duduk *tu* [itu] bilik nombor *berapa* [berapa]? *Tu* [Itu] *la* [lah] *dio* [dia]. Apabila masuk, *contohla* [contohlah] *ni* [ini], [berfikir] perempuan dalam *keadae* [keadaan] *paka* [pakai] baju kelawar, contoh. Laki-laki *paka* [pakai] kain tuala. Mana bukti dia? Kain tuala *tu* [itu] *nok* [nak] kena *ambik* [ambil] sebagai bukti bahawa dia pakai kain tuala. Baju kelawar *tu* [itu] *nok* [nak] kena *ambik* [ambil] bahawa dia pakai baju kelawar. [Menggerakkan tangan] Jadi bukti *tu* [itu] penting, *dok* [kan]? Jadi, bukti melakukan kesalahan. Jadi, persiapan dari segi

ilmu. Sebab *tu* [itu] saya *tekeykea* [tekankan] dan saya buat. Saya sendiri pun *beri* [memberi] ceramah untuk pemantapan undang-undang. Saya— pelbagai tajuk. Saya [berfikir] wajibkan sebulan sekali perjumpaan dengan semua penguatkuasa dan saya akan [berfikir] [menggerakkan tangan] *beri* [bagi] pendedahan dari segi undang-undang dari semasa ke semasa. Bacaan enakmen, perbincangan SOP, perbincangan dari segi tatacara kerja untuk kita *nok* [nak] *tamboh* [tambah] [berfikir] ilmu undang-undang kepada pegawai penguatkuasa.

RR : Apakah strategi Ustaz dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan?

UNZ : Kita [berfikir] buat program bersama dengan masyarakat. Kita bersama dengan JPKK *la* [lah] *kalu* [kalau] sekarang *ni* [ini]. JPKK akan *kumpulkae* [kumpulkan] orang-orang kampung. Kita turun di balai-balai raya, kita turun di dewan-dewan, di kampung-kampung. Kita buat perjumpaan, kita *beri* [memberi] taklimat, kita beritahu [berfikir] kepada masyarakat, termasuklah pelajar-pelajar IPT dan pelajar-pelajar *sekolah* [sekolah]. Daripada *sekolah-sekolah* [sekolah-sekolah] *rendoh* [rendah] lagi kita *mitok* [minta] kerjasama dengan pihak *sekolah* [sekolah]. Kita masuk, kita buat program. Pendekatan *tu* [itu] mungkin berbeza *la* [lah] sikit. Pelajar *sekolah* [sekolah] *rendoh* [rendah] *ni* [ini] dia *nok* [nak] kena ada *coklat* [gula-gula] *banyak* [banyak]. Kita *nok* [nak] kena [berfikir]

[menggerakkan tangan] main angin *budok-budok* [budak-budak]. Kita buat sesi kuiz dengan tujuannya biar undang-undang syariah *ni* [ini] ataupun kesalahan-kesalahan jenayah syariah *ni* [ini] dapat sampai maklumat *tu* [itu] kepada masyarakat.

TAMAT BAHAGIAN B4

BAHAGIAN B5: BAHAGIAN DAKWAH

RR : Dalam bahagian dakwah, apakah strategi yang digunakan untuk memastikan dakwah yang dijalankan relevan dengan isu semasa?

UNZ : Di jabatan agama Islam, aktiviti dakwah dia berlaku [berfikir] secara tidak langsung. Maksudnya, kita untuk program-program besar kita buat [memegang hidung] sempena hari-hari besar Islam. Contohnya, sempena sambutan maulidur Rasul kita buat [menggerakkan tangan] *ceramoh-ceramoh* [ceramah-ceramah]. Sempena Israk Mikraj, sempena awal muharram, awal tahun, akhir tahun, hari-hari besar Islam *ni* [ini]. Kita buat program sambutan. *Sambute* [Sambutan] program *ni* [ini] adakalanya di peringkat jabatan [menggerakkan tangan], adakalanya di peringkat daerah-daerah yang dibuat pejabat agama daerah, dan ada di buat di peringkat masjid-masjid, dan *jugok* [juga] surau. Maknanya, berlakunya dakwah secara menyeluruh, dan setiap malam bahagian dakwah, kita ada pengkuliahan-pengkuliahan yang kita lantik, yang kita beri tauliah. Kemudian jabatan ataupun pihak *majlih* [majlis] agama, kita beri imbuhan kepada penceramah. Ada penceramah, *atah* [atas] nama Da'i, ada *atah* [atas] nama Mubaligh, ada *atah*

[atas] nama Muallim, ada *atah* [atas] nama kelas PAIT. Kelas Pengajian Agama Islam Terengganu yang dibuat secara berkala. Kita bagi sijil, dan sijil-sijil *ni* [ini] kita buat majlis *grand* [mewah]. Seolah-olah *mace* [macam] di *kalu* [kalau] di peringkat universiti, *mace* [macam] konvokesyen. Maknanya dia dapat sijil, sijil iktidad, sijil mutawasil, dan sijil mutaqadim. Peringkat bawah, peringkat pertengahan, dan peringkat *atah* [atas]. Maknanya mereka-mereka *ni* [ini] [berfikir] mengikuti kelas (bunyi air purifier) setiap minggu di masjid-masjid yang terpilih. [Berfikir] Subjek akidah, syariah, dan juga tasawwur. Jadi, bagi saya dakwah di negeri Terengganu *ni* [ini] kita *napok* [nampak] dia sentiasa bergerak.

RR : Bagaimana Ustaz merancang program dakwah yang sesuai untuk masyarakat dengan latar belakang yang berbeza?

UNZ : *Yelah* [Yalah], kita apabila sebut *dakwoh* [dakwah], orang yang kita *nok* [nak] *dakwoh* [dakwah] *tu* [itu] *banyak* [banyak] [berfikir] kategori. Ada di peringkat warga emas, umur 60 [enam puluh] tahun *keatah* [keatas]. Ada di peringkat orang muda, belia, remaja, pelajar-pelajar. Di samping *jugok* [juga] ada kategori-kategori, contohnya, orang awam, ataupun kakitangan kerajaan. Ada *jugok* [juga] daripada kalangan badan *beruniform* [berseragam], contohnya. Jadi ada *jugok* [juga] yang *non-Muslim* [bukan Islam] dan *jugok* [juga] di kalangan mualaf, orang yang baru memeluk agama Islam. Jadi, kita akan *beri* [memberi] fokus yang

berbeza-beza mengikut [berfikir] *background* [latar belakang] tadilah. Pendekatan dakwah sentiasa bergerak.

RR : Boleh Ustaz ceritakan secara ringkas, apakah langkah yang diambil untuk memahami cabaran dan keperluan dakwah dalam masyarakat kini?

UNZ : Cabaran [berfikir] dalam masyarakat hari *ni* [ini], [berfikir] [berfikir] jadi *napok* [nampak] yang *pertamo* [pertama], dia bukan persaingan, kita menaruh bimbang dengan [berfikir] media sosial. Sebab masyarakat hari *ni* [ini] [berfikir] dia *banyak* [banyak] merujuk kepada media sosial sebagai tempat untuk menimba ilmu. [Memegang tangan] Dari segi *kalu* [kalau] kita *nok* [nak] tengok dari segi *baguh* [bagus] *tu* [itu] ada *la* [lah] *baguh* [bagus]. Tapi yang saya nak bagitahu disini, sekiranya masyarakat kita *ni* [ini], dia tidak boleh nak menilai. *Hok* [Yang] mana betul, *hok* [yang] mana *saloh* [salah]. Maka, dia akan terima bulat-bulat. Bimbang takut pegangan ataupun ilmu yang dia terima itu takut-takut ada yang menyeleweng, ataupun ada yang [berfikir] menyalahi pegangan yang betul. Takut-takut jadi *lagu* [seperti] *tu* [itu] lah. Sebab apabila kita tengok Youtube ke, Tik Tok ke, *mace-mace* [macam-macam] boleh masuk. Daripada Indonesia, daripada luar-luar *negaro* [negara] *ni* [ini] lah. Maknanya, dalam *negaro* [negara] kita pun *mace-mace* [macam-macam] sekarang *ni* [ini]. Itu cabaranlah. *Lepahtu* [Selepas itu], kebimbangan kita *jugok* [juga], apabila ajaran-ajaran sesat yang cuba masuk dalam masyarakat kita, kadang-kadang benda *tu* [itu] dia berlaku tanpa kita sedari. Sehingga ada yang [berfikir] terkena, kita kata terkena ataupun

yang sudah [berfikir] termasuk perangkap. Sehingga ibadat-ibadat yang dia buat tadi maknanya kita kata adalah jalan daripada ajaran yang salah.

RR : Bagaimana Ustaz menguruskan penceramah dan pendakwah dalam meningkatkan kualiti penyampaian mereka?

UNZ : Masa saya di bahagian dakwah dulu, untuk *nok* [nak] mempertingkatkan pendakwah-pendakwah, [berfikir] saya ingat masa dulu, *kalu* [kalau] sekiranya [berfikir] sempena dengan hari-hari kebesaran, jadi kita jemput seorang penceramah yang [berfikir] mempunyai pengetahuan yang luas. Pakar-pakar sama ada dikalangan pensyarah-pensyarah universiti ataupun daripada kalangan mufti. Kita kumpulkan penceramah-penceramah sebagai *audiences* [khalayak]. Kemudian, kita jemput yang kata pakar-pakar tadi untuk *beri* [memberi] penerangan berkaitan dengan isu-isu yang kita akan dedah kepada penceramah tadi. Kemudian, ilmu tadi dia akan [menggerakkan tangan] sampaikan kepada masyarakat. Macam hari *ni* [ini], pagi tadi, MAIDAM [Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu], dia kumpulkan penceramah-penceramah daripada pagi tadi, maka dia pun beri. Itu salah satu daripada cara untuk *nok* [nak] tingkatkan kualiti penceramah. Yang pertama dari segi ilmu. Yang kedua [berfikir] kita keluarkan sijil tauliah mengajar, orang yang tidak ada *taulioh* [tauliah], maknanya dia tidak ada kemampuan untuk mengajar agama di Terengganu. Dia tidak ada kemampuan kerana apa? Kerana melalui sesi temuduga yang diadakan, maka panel-panel *ni* [ini] dia akan buat penilaian, orang *ni* [ini] *layok* [layak] ataupun tidak *layok*

[layak] untuk menyampaikan ilmu. Dari segi *kelayokan* [kelayakan] *tu* [itu] akan dinilailah [berfikir] untuk kita penceramah-penceramah di negeri Terengganu *ni* [ini], maknanya dia akan turun ke lapangan masjid, surau. Kemudian [berfikir] di peringkat masyarakat *tu* [itu] sendiri [berfikir] dia akan nilailah. Bagi orang yang hebat-hebat *tu* [itu] ramai dia punya pengikut dia, sambutan program dia. Jadi, bagi orang-orang yang [berfikir] *napok* [nampak] macam kurang berkemahiran, ilmu *tok* [tak] *banyak* [banyak], jadi kita cuba tingkatkan dari semasa ke semasa.

[Menggangguk]

- RR : Bagaimana Ustaz memanfaatkan teknologi dan media sosial dalam menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat moden?**
- UNZ : [Berfikir] Di jabatan kita *ni* [ini], kita ada bilik untuk rakaman. Jadi, [berfikir] kita pun [berfikir] baru dalam usaha untuk nak memperkasa, untuk nak memaksimumkan *penggunaae* [penggunaan] bilik rakaman *tu* [itu] maknanya akan *datae* [datang] *ni* [ini] penceramah-penceramah di luar sana daripada *kalangae* [kalangan] agamawan, kita akan jemput ke bilik rakaman, dan kita akan buat *live* [siaran langsung], kita akan cuba maksimumkan *penggunaae* [penggunaan] mungkin dalam bentuk *live* [siaran langsung] Facebook, ataupun Tik Tok ataupun *mace-macelah* [macam-macamlah]. Maknanya kita tidak ketinggalan. *Kalu* [Kalau] sebelum daripada *ni* [ini], kalu sempena ketibaan [berfikir] Ramadhan, setiap hari ada live Facebook di jabatan kita *ni* [ini]. Maknanya, di kalangan pegawai-pegawai kita akan mengikut giliran. Setiap hari

akan ada [berfikir] penggunaan media sosial. Untuk yang terkini kita pun ada unit ICT [Information and Communication Technology]. Jadi kita tidak, kita *nok* [nak] kena— [berfikir] lebih-lebih kerajaan memperkenalkan AI [Artificial Intelligence] *dok* [kan]? Jadi, kita *tokleh* [tidak boleh] *nok* [nak] asing. kita *nok* [nak] *keno* [kena] *guno* [guna] dan saya pun *tok* [tidak] maklum lagi *buke* [bukan] benda *ni* [ini] *dah* [sudah] *lamo* [lama]. Tapi saya *duk* [duduk] *perati* [perhati] *tak* [tidak] ramai pengkuliah-pengkuliah kita *ni* [ini]. Patutnya dia ambil *peluae* [peluang], ketika kuliah-kuliah di masjid-masjid surau *tu* [itu], apa salahnya [mengerakkan tangan] dia buat dalam bentuk *live* [siaran langsung] dengan tujuannya orang-orang *hok* [yang] *tak* [tidak] *mari* [datang] di masjid *tu* [itu] mungkin boleh dengar kat rumah. Ataupun *kalu* [kalau] sekiranya dia *nok* [nak] [mengerakkan tangan] ulang balik. Jadi, dia boleh tengok semula.

TAMAT BAHAGIAN B5

BAHAGIAN C1: SUMBANGAN

- RR : Selain daripada kerjaya yang dikongsikan, apakah sumbangan Ustaz kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)?**
- UNZ : [Berfikir] Sumbangan. Jadi sumbangan *ni* [ini] kita *tokleh* [tidak boleh] *nok* [nak] buat penilaian [berfikir] sebabnya kita *ni* [ini] apabila dah menjadi penjawat awam, jadi kita setiap hari sentiasa bekerja untuk *jabate* [jabatan]. Jadi, maksud sumbangan *tu* [itu] dalam bentuk *apo* [apa]? Dalam konteks *apo* [apa] sumbangan *tu* [itu]?**

- RR** : Contoh kerja-kerja luar, selain daripada skop *ni* [ini]. Contohnya *mace* [macam] saya ada tengok *mace* [macam] akad, apa *ni* [ini], _ _.
- UNZ** : Haa *ye* [ya] *ye* [ya] *ye* [ya] maknanya yang *tu* [itu]. Dia *jabate* [jabatan] *ni* [ini], maknanya dia akan lantik. Dia akan lantik pegawai-pegawai. Jadi, *ore* [orang] *ni* [ini] ada *bahagiae* [bahagian] *ni* [ini], orang *ni* [ini] dia lantik *bahagiae* [bahagian] *ni* [ini]. Jadi untuk saya *ni* [ini], saya sebagai *jurunikoh* [jurunikah]. *Kalu* [Kalau] sekiranya mana-mana pasangan di luar sana yang nak berkahwin [menggarukan kening] untuk mendapatkan khidmat sebagai jurunikah maknanya saya bolehlah akad nikah. *Lepastu* [Selepas itu], untuk [berfikir] penyediaan teks-teks khutbah Jumaat [membalik posisi kedudukan]. Saya sebagai salah seorang dari panel *menyemok* [menyemak] dan *menulih* [menulis] khutbah. Maknanya, untuk khutbah Jumaat, setiap [berfikir] sama ada sebulan sekali ataupun 2 [dua] kali sebulan kita akan bermesyuarat. Kita akan lihat teks-teks khutbah untuk dibaca pada minggu-minggu berikutnya. Maknanya, selain daripada buat *semokae* [semakan] yang orang lain *tulih* [tulis], saya sendiri pun ada *jugok* [juga] *tulih* [tulis] teks-teks untuk khutbah Jumaat. Di samping *tu* [itu], ada [berfikir] penglibatan dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan sama ada di peringkat jabatan ataupun agensi-agensi lain pun ada *jugok* [juga].

RR : **Adakah sumbangan tersebut bermanfaat kepada semua rakyat Terengganu atau sekumpulan masyarakat sahaja?**

UNZ : Maknanya bagi— [berfikir], kita kata [berfikir] mengikut penglibatan. *Kalu* [Kalau] untuk *jurunikoh* [jurunikah] oleh kerana lantikkan seluruh negeri Terengganu, bagi orang *hok* [yang] *nok* [nak] kahwin *jelah* [sahajalah]. *Kalu* [Kalau] untuk macam kuliah-kuliah, mungkin masjid-masjid *hok* [yang] saya hadir *tu* [itu] untuk masyarakat setempat di sekitar *tu* [itu] lah. Kuliah-kuliah yang kuliah-kuliah Maghrib, kuliah-kuliah Subuh. Bagi [berfikir] *sekolah-sekoloh* [sekolah-sekolah], mungkin *sekolah* [sekolah] *hok* [yang] saya beri sumbangan *tu* [itu] lah. Sebagai Yang Di-Pertua PIBG contohnya. Jadi di *sekolah-sekoloh* [sekolah-sekolah] tersebut, *sekolah-sekoloh* [sekolah-sekolah] yang berkenaan. Sebagai [berfikir] penyemak buku-buku *jabatae* [jabatan]. Jadi *yelah* [ya lah] bagi orang *hok* [yang] baca-baca buku *tu* [itu] lah (bunyi air purifier) sebab skop kito [kita] *tu* [itu] *agok* [agak] terhad *jugok* [juga].

RR : **Bagaimanakah sumbangan tersebut mendatangkan manfaat kepada masyarakat yang terlibat?**

UNZ : *Mace* [Macam] tadilah. Soalan yang sama *berule* [berulang]. Yang lain *pulok* [pula].

TAMAT BAHAGIAN C1

BAHAGIAN C2: PENCAPAIAN

RR : Dari segi pencapaian, bolehkah Ustaz senaraikan anugerah yang pernah diterima?

UNZ : Anugerah *ni* [ini] [berfikir] mungkin maksudnya anugerah [berfikir] sebagai apabila kita berkhidmat dengan kerajaan. (bunyi siren ambulans) Dari segi pingat-pingat yang dianugerahkan. Dia pingat-pingat, bintang-bintang *ni* [ini] sebagai tanda terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kepada mereka-mereka yang berjasa. Jadi, saya pernah dikurnia oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Yang pertama, diberi PJK [Pingat Jasa Kebaktian]. Kemudian, AMT [Ahli Mahkota Terengganu]. Kemudian, yang terakhirnya dapat bintang, dia panggil SMZ [Darjah Setia Mahkota Terengganu].

RR : Yang manakah di antara anugerah tersebut, paling sukar untuk dicapai?

UNZ : Maknanya, dia [berfikir] bukan usaha daripada kita untuk *nok* [nak] capai. Anugerah-anugerah daripada Kebawah Duli Tuanku *ni* [ini] adalah kita menyerahkan kepada pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

TAMAT BAHAGIAN C2

BAHAGIAN D1: HARAPAN

RR : -Seterusnya, dari segi harapan, apakah harapan Ustaz kepada generasi muda pada masa akan datang?

UNZ : [Berfikir] Apabila sebut generasi muda, yang pertama, kita *nok* [nak] kena jaga hubungan kita dengan Allah. Yang kedua, kita *nok* [nak] kena *tambohkan* [tambahkan] ilmu pengetahuan. Kemudian, kita *nok* [nak] kena berbakti kepada ibu bapa, masyarakat, dan untuk ummah.

RR : Apakah harapan Ustaz untuk kemajuan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dalam beberapa tahun akan datang?

UNZ : Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, [berfikir] kita tidak mahu [berfikir] ketinggalan di belakang. Jika sekiranya kita nak bandingkan dengan jabatan-jabatan agama di negeri-negeri lain. Maknanya, kita nak biar kita *ni* [ini] yang pertama, [berfikir] sentiasa ke hadapan dari segi [berfikir] pengurusan, dari segi pencapaian, dari segi apa-apa berkait dengan urus tadbir, maknanya kita *nok* [nak] biar kakitangan jabatan kita *ni* [ini] sentiasa [berfikir] hebat. Sentiasa [berfikir] menunjukkan integriti, komitmen kerja yang tinggi. Maknanya, in sya Allah, jabatan akan sentiasa nampak hebat apabila kita *ni* [ini] banyak menyelesaikan isu-isu [berfikir] masyarakat, isu-isu rakyat dengan sebaik yang mungkin.

RR : Bagaimanakah pula dengan harapan Ustaz terhadap generasi muda yang akan datang, yang akan berperanan dalam Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)?

